



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**25 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 513 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 231,158 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Lahad Datu manakala masing-masing satu (1) kes di Keningau dan Kota Marudu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 679 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 220,159 orang. Manakala 1,598 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 685 orang di hospital, 895 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 77 orang merangkumi 71 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 59 (28.37%).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah kes harian di Sabah turun 109 kes berbanding jumlah kelmarin. Jumlah kes baharu hari ini ialah 513.
- b Empat daerah yang menjadi penyumbang tinggi kes di Sabah setiap hari, yakni Kota Kinabalu, Ranau, Tuaran dan Kota Belud mencatat penurunan yang agak banyak hari ini. Kota Kinabalu turun 37 kes berbanding jumlah kelmarin, Ranau turun 14 kes, Tuaran turun 31 kes dan Kota Belud turun 10 kes. Walau bagaimana pun keempat empat daerah ini kekal penyumbang tertinggi kes harian di Sabah.
- c Satu kluster baharu, Kluster Sawit Biru di Kinabatangan diisytiharkan hari ini. Ia ada kluster tempat kerja dan melibatkan seorang pekerja pembersihan. Setakat ini 14 orang disahkan positif Covid.
- d Sebanyak 14 daerah merekodkan penurunan kes harian dan 8 daerah pula mencatat jumlah kes yang bertambah sementara 5 daerah mencatatkan jumlah kes yang sama seperti sebelumnya. Tidak ada kes baharu di Kunak, Tongod dan Kalabakan. Secara keseluruhan peratusan kes sporadik masih tinggi, 191 orang atau 37.2% daripada 513 pesakit yang dilaporkan hari ini.
- e Seramai 500 orang daripada 513 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan 2, iaitu tidak bergejala atau sekadar bergejala ringan. Hanya 2 orang dalam Kategori 3, 2 orang dalam Kategori 4 dan juga 2 orang dalam Kategori 5. Seramai 7 pesakit masih dalam penilaian JKNS
- f Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (283) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	15	7.56%
2	Bergejala	191	37.23%
3	Kontak	283	55.17%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	24	4.67%
<b>JUMLAH</b>		<b>513</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/11/2021	Catatan Kes 25/11/2021	Perbandingan
1	Papar	21	38	+17
2	Kota Marudu	20	32	+12
3	Tawau	4	13	+9
4	Keningau	11	19	+8
5	Putatan	12	18	+6
6	Nabawan	1	3	+2
7	Kuala Penyu	16	17	+1
8	Semporna	0	1	+1
9	Penampang	35	35	Mendatar
10	Sipitang	15	15	Mendatar
11	Beluran	6	6	Mendatar
12	Kalabakan	0	0	Mendatar
13	Kunak	0	0	Mendatar
14	Kota Kinabalu	109	72	-37
15	Tuaran	76	48	-28
16	Ranau	65	51	-14
17	Kinabatangan	39	25	-14
18	Kudat	26	13	-13
19	Kota Belud	56	46	-10
20	Tenom	22	12	-10
21	Beaufort	35	26	-9
22	Pitas	12	3	-9
23	Tongod	7	0	-7
24	Lahad Datu	11	5	-6
25	Tambunan	14	11	-3
26	Telupid	5	2	-3
27	Sandakan	4	2	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>622</b>	<b>513</b>	<b>-109</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (11 November – 24 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	38	28	0	5	72	1,163
Ranau	0	31	18	0	2	51	553
Tuaran	0	36	12	0	0	48	760
Kota Belud	0	26	18	0	2	46	603
Papar	0	24	14	0	0	38	402
Penampang	0	29	6	0	0	35	482
Kota Marudu	0	17	14	0	1	32	407
Beaufort	0	8	16	0	2	26	383
Kinabatangan	14	10	0	0	1	25	207
Keningau	0	8	11	0	0	19	246
Putatan	0	12	5	0	1	18	218
Kuala Penyu	0	7	10	0	0	17	118
Sipitang	0	4	9	0	2	15	154
Kudat	0	2	6	0	5	13	202
Tawau	0	7	5	0	1	13	129
Tenom	0	6	6	0	0	12	324
Tambunan	0	7	4	0	0	11	171
Beluran	0	5	1	0	0	6	107
Lahad Datu	0	2	2	0	1	5	87
Pitas	0	2	1	0	0	3	80
Nabawan	0	2	1	0	0	3	25
Telupid	0	0	2	0	0	2	84
Sandakan	0	0	2	0	0	2	140
Semporna	0	0	0	0	1	1	13
Tongod	0	0	0	0	0	0	48
Kunak	0	0	0	0	0	0	19
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	9
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>283</b>	<b>191</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>513</b>	<b>7,134</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Lautan Biru Pantai	1
Kinabatangan	Kluster Sawit Biru	14
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Sawit Biru- Kinabatangan** adalah kluster jenis tempat kerja yang berlaku di sebuah kilang sawit. Kes indeks adalah seorang wanita, bukan warganegara, 41, yang bekerja sebagai pekerja pembersihan di kilang sawit berkenaan. Kes indeks yang bergejala sejak 19 November 2021, didapati positif COVID-19 setelah menjalani ujian saringan RTK-Ag di klinik swasta di Lahad Datu pada 22 November 2021 dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati, seramai 13 orang kontak sosial, pekerja dan tanggungan telah didapati positif COVID-19 dan telah di kuarantin dan diberi rawatan yang sesuai. Jumlah kumulatif kes positif untuk kluster ini seramai 14 orang.

7 Jumlah kapasiti katil 5,295 unit

- Hospital 1,408 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,397 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.18%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 25 NOVEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	511
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>513</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Kedah	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	483
Bukan Malaysia	30
<b>Jumlah</b>	<b>513</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	96
Belum Menerima Vaksin	63
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	352
<b>Jumlah</b>	<b>513</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	38
6 to 11	50
12 to 17	33
18 to 25	66
26 to 59	257
>60	61
<b>Jumlah</b>	<b>513</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 24 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,774 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,388 orang adalah penduduk dewasa dan 386 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 24 November 2021 adalah seramai 2,438,616 orang. Ini meliputi 2,105,061 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.31% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,387,066 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,081,073 orang atau 75.44% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,555 orang atau 76.86% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 305,993 atau 70.51% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **677,046** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,493 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 49 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 120 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat dibawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 867 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 565 premis perniagaan dan 994 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 333 Premis Perniagaan melibatkan 181 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 52 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 153 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beaufort	98.8%
2	Beluran	98.7%
3	Kudat	98.7%
4	Papar	98.7%
5	Ranau	98.6%
6	Kota Marudu	98.6%
7	Penampang	98.6%
8	Tenom	98.6%
9	Sipitang	98.6%
10	Keningau	98.6%
11	Tawau	98.5%
12	Kunak	98.5%
13	Semporna	98.5%
14	Tuaran	98.5%
15	Kinabatangan	98.5%
16	Kota Belud	98.4%
17	Lahad Datu	98.4%
18	Sandakan	98.4%
19	Kota Kinabalu	98.3%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**